

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

Perbincangan tentang ketuhanan merupakan wacana yang tidak akan lenyap selama manusia hidup di dunia ini. Isu ketuhanan dalam ruang pemikiran dan tamadun manusia telah menjadi polemik yang begitu panjang. Dalam tamadun kemanusiaan umat Islam, isu ketuhanan dikawali oleh petunjuk wahyu yang ditafsir oleh akal. Namun akal tidak lepas bebas meskipun dikatakan Islam agama yang berteraskan akal. Interaksi antara wahyu dan akal adalah bertujuan menyisihkan kejahilan, keraguan dan syak yang bermain di benak fikiran manusia. Oleh yang demikian usaha untuk memahami isu ketuhanan perlu menggabung jalin antara dua sumber iaitu wahyu dan akal, agar isu ketuhanan tidak hanya berpaut kepada salah satu sumber penafsiran dan mengabaikan sumber yang lain.

Penafsiran ketuhanan berasaskan wahyu secara literal dengan ‘melepaskan’ nalar akli, bakal mengundang satu deskripsi dan gambaran ketuhanan yang kaku dan mengelirukan. Manakala melepas bebas akal menunjangi akar faham ketuhanan tanpa kawalan wahyu, turut mencetuskan krisis kerana sehebat manapun manusia berfikir, tetap berada dalam kurungan pengalaman empirikal dan inderawi. Bagaimana mungkin Tuhan sebagai sesuatu yang diluar jangkauan nalar dan inderanya hendak diungkapkan? Oleh itu, persoalan ketuhanan perlu diberi perhatian serius menerusi penyelesaian jalan Uṣūl al-Dīn (Ilmu Kalam) apatah lagi dalam situasi umat Islam berhadapan dengan ancaman pemikiran sekularisme yang menolak penyelesaian secara wahyu yang disodorkan dengan pelbagai bentuk dan rupa kekucaran pemikiran dan idea yang sangat sinonim untuk disamakan dengan ajaran-ajaran ilhad dan zindiq dalam wacana klasik suatu ketika dahulu.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tuhan dan ketuhanan merupakan persoalan pokok dalam setiap agama dan falsafah. Agama yang tidak menyentuh isu-isu ketuhanan tidak layak dianggap sebagai agama. Dalam konteks ajaran Islam, isu ketuhanan adalah asas yang paling utama mendasari ajaran ini yang bersumberkan wahyu Ilahi. Dia adalah hakikat semata-mata. Dia disabitkan Esa yang bukan suatu mitos, bukan suatu gambaran yang dicitakan dan bukan suatu simbol yang sentiasa berubah-ubah dalam akal manusiawi mengikut perubahan masa.<sup>1</sup> Apa yang jelas, Dia bukan hasil idea atau hasil pengamatan fikiran manusia tetapi ma'rifah tentangNya ditunjuki menerusi wahyu Ilahi dengan perantaraan pesuruhNya dalam kalangan para Rasul a.s.

Ternyata dalam agama Islam, konsep Tuhan adalah suatu yang jelas identitiNya. Pada prinsipnya, ajaran Islam menekankan identiti ketuhanan sebagai Zat yang perlu disembah sebagai pengabdian kepada *Wajib al-Wujud* yang mencipta alam semesta, sekaligus Zat yang *Wajib al-Wujud* ini sama sekali berbeza dengan sekalian makhluk. Perbezaan ini ditanam dalam sanubari manusia menerusi petunjuk wahyu. Cukuplah bagi makhlukNya mengetahui bahawa Pencipta yang dimaksudkan itu sifatNya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia, dan Dialah yang  
Maha Mendengar dan Melihat<sup>2</sup>

Surah *al-Shūrā* (42:11)

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007), *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 2.

<sup>2</sup> Keseluruhan terjemahan aya-ayat al-Quran ke bahasa Melayu dalam kajian ini didasarkan kepada terjemahan al-Quran dalam bahasa Indonesia menerusi naskhah *al-Qurān wa Tarjamah Ma'ānīh ilā al-Lughah al-Indūsiyyah*, Saudi Arabia: Mujamma' al-Mālik Fahd li al-Tibā'ah al-Muṣṣhaf al-Sharīf, dengan beberapa pengolahan gaya bahasa dan ejaan perkataan bagi menyesuaikan gaya bahasa Melayu.

Perbezaan ini terletak pada *ZatNya*, *SifatNya* dan juga *Af' alNya*. Lantaran perbezaan yang sangat ketara, seorang manusia Muslim mempunyai kewajipan mengadakan hubungan yang luhur dengan Penciptanya. Hubungan itu diterjemahkan menerusi kegiatan ibadah sebagai tanda pengabdian kepada yang Esa.

Selain Islam, agama-agama lain seperti Yahudi, Kristian, Hindu dan Budha mempunyai konsep tersendiri dalam topik ketuhanan. Mereka masing-masing mempunyai metode tersendiri untuk memahami dan memberi pemahaman tentang konsep ketuhanan. Namun, dalam Islam terdapat kepelbagaian metodologi dalam menghuraikan konsep ketuhanan ekoran kepelbagaian aliran pemikiran yang akhirnya dikenali dengan madrasah Ilmu Kalam.

Di era kurun pertama dan kedua Hijrah, percambahan cabaran dalam perbahasan isu-isu dalam akidah Islam telah mengangkat Ilmu Kalam sebagai satu disiplin ilmu yang bertanggungjawab menangani cabaran-cabaran tersebut.<sup>3</sup> Isu-isu yang dicetuskan oleh aliran-aliran yang membahaskan tentang konsep ketuhanan banyak berkisar sekitar hubungan Tuhan dengan alam dan gambaran tentang *Zat* dan *SifatNya* juga merangkumi *Af' alNya*.

Suatu yang tidak dapat dinafikan, bahawa cetusan isu-isu ini banyak merujuk kepada sumber wahyu yang mendorong akal agar berfikir dalam isu akidah. Al-Quran sangat memerangi taklid dalam akidah yang tidak didasari dengan fakta yang benar. Pegangan akidah yang hanya diwarisi secara tradisi nenek moyang sangat ditentang oleh

---

<sup>3</sup> Lihat Sulaymān Dunyā (1967), *al-Taḥkīm al-Falsafī al-Islāmī*, Mesir: Maktabah al-Khānījī, h. 327, seterusnya disebut *al-Taḥkīm*.

al-Quran. Firman Allah yang merujuk kepada persoalan ini antaranya dinyatakan dalam surah al-Baqarah (2:170):

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ  
ءَابَاءَنَا أُولَئِكَ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Ikutilah apa yang telah diturunkan Allah," mereka menjawab: "(Tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami". "(Apakah mereka akan mengikuti juga), walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apapun, dan tidak mendapat petunjuk?"

Sehubungan dengan itu, menurut al-Ghazzālī menerusi karya beliau *Jawāhir al-Qurān*, sebanyak 763 ayat al-Quran menyentuh tentang Zat Allah, SifatNya dan *Af'āl*Nya secara khusus.<sup>4</sup> Keterangan al-Ghazzālī ini disokong oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī, ketika mentafsirkan ayat 19 dan 20 daripada surah al-Baqarah yang menyatakan bahawa ayat-ayat al-Quran yang menghuraikan tentang perbahasan tauhid, kenabian dan menyanggah golongan penyembah berhala dan musyrikin melebihi perbahasan tentang hukum-hukum syara' yang dianggarkan tidak melebihi 600 ayat.<sup>5</sup> Pernyataan al-Rāzī ini kemudiannya disokong oleh Ibn 'Asākīr yang menyatakan bahawa ayat yang berkaitan hukum-hukum syara' sememangnya terbatas, berbanding ayat yang menyentuh perbahasan 'Ilm al-Uṣūl yang bilangannya dilihat lebih ketara. Penegasan ini dibuat oleh beliau, bagi menempelak

---

<sup>4</sup> Lihat al-Ghazzālī (t.t), *Jawāhir al-Qurān*, Kaerah: Maktabah al-Jundī, h. 52. Lihat juga edisi terjemahan bahasa Melayu dalam Muhammad Abdul Quasem (1987), *Mutiara al-Quran Imam al-Ghazali*, terj. Abdul Rahman Rukaini, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 89 dan seterusnya. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Muhammad Abdul Quasem beserta pengenalan dan anotasi. Dalam edisi bahasa Inggeris ia dinamai *The Jewels of The Quran*. Daripada edisi terjemahan bahasa Inggeris ini, ia diterjemahkan pula ke dalam bahasa Melayu dan dinamai sebagai *Mutiara al-Quran*.

<sup>5</sup> Lihat Abū 'Abdullah Muhammad bin 'Umar bin al-Ḥusayn bin 'Alī Fakh al-Dīn al-Rāzī (t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 2, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 88.

golongan yang menyatakan bahawa di dalam al-Quran tiadanya perbincangan Ilmu Kalam.<sup>6</sup> Al-Zarkashī melengkapkan pernyataan di atas dengan menyatakan bahawa al-Quran menyentuh dan membicarakan seluruh jenis-jenis burhan dan dalil-dalil daripada keseluruhan maklumat secara *'aqliyyah* dan *sam'iyyah*. Tetapi, ia didatangi menurut adat kebiasaan bangsa Arab (ketika itu) tanpa perincian sebagaimana gaya pendalilan mutakallimun.<sup>7</sup> Namun tambah beliau, sesudah itu mula terserlah bentuk mengistinbad burhan akli secara mendalam menurut pendekatan mutakallimun.<sup>8</sup> Ibn al-Wazīr al-Ṣan'ānī menerusi karya beliau *Tarjīh Asālīb al-Qurān 'alā Asālīb al-Yunān* yang mengkritik mutakallimun, juga mengakui bahawa al-Quran menunjuki ke arah pendalilan akal dalam dalil-dalil tauhid kepada Allah. Dan, daripada al-Quran jugalah para mutakallimun mempelajari pendalilan akli mereka.<sup>9</sup>

Selanjutnya, para pengkaji kontemporari juga menyokong pernyataan di atas. Antaranya Carra de Vaux yang menyebut bahawa al-Quran telah pun mengemukakan penyelesaian berhubung polemik dalam perbincangan falsafah ketuhanan antaranya dalam isu-isu berkaitan ulūhiyyah, keesaan dan kekuasaan Tuhan, berbezanya Tuhan dari segala yang maujud, maha suci Tuhan dari diperanakkan, kebaharuan alam, Ilmu Tuhan yang meliputi sesuatu yang ada di alam ini, kehidupan akhirat, qada` dan qadar serta baik dan buruk.<sup>10</sup> Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq pula menyatakan bahawa al-Quran mengemukakan konsep

---

<sup>6</sup> Lihat Abū al-Qāsim 'Alī bin al-Ḥasan bin Hibah Allah ibn 'Abdullah bin 'Asākir (t.t), *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fī mā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash'arī*, tahqīq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, h. 266, seterusnya disebut *Tabyīn Kadhib*.

<sup>7</sup> Lihat Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abdullah al-Zarkashī (t.t), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, tahqīq Muhammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, j. 2, c. 2, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 24.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>9</sup> Lihat Muhammad ibn Ibrāhīm al-Wazīr al-Ḥusnī al-Ṣan'ānī (1349), *Tarjīh Asālīb al-Qurān 'alā Asālīb al-Yunān*, Kaherah: Matba'ah al-Ma'āhid, h. 17, seterusnya disebut *Tarjīh Asālīb al-Qurān*.

<sup>10</sup> Lihat Carra de Vaux, "Ibn Sīnā", dipetik dalam Muhammad Ghallāb (1966), *Yanābi' al-Fikr al-Islāmī wa 'Awāmil Taṭawwuruh*, Kaherah: al-Majlis al-'Alī li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, h. 19.

*jadal* (dialektik) yang lunak menurut keperluan, bersesuaian dengan firman Allah Ta‘ala dalam surah *al-Nahl* (16:125) yang berbunyi:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْ لَهُم بِآيَاتِي  
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.<sup>11</sup>

Muhammad Yūsuf Mūsā juga menegaskan bahawa terkandung di dalam al-Quran asas-asas falsafah ketuhanan dan tabii (*uṣūl al-falsafah al-ilāhiyyah wa al-ṭabī‘iyyah*). Oleh itu, al-Quran sangat menggalakkan kaum Muslimin agar berfalsafah dalam makna yang luas.<sup>12</sup> Menurut pandangan Muhammad al-Bahī, tidak dapat dinafikan bahawa al-Quran dan juga Hadith, atau lebih tepat lagi bahasa kedua-duanya itu adalah antara faktor pendorong berlakunya pergeseran politik di masa lalu, sehingga terjadinya perpecahan dalam pemikiran dan perpecahan dalam akidah, lantaran itu muncul aliran pemikiran ketuhanan pada ketika itu. Namun ianya (al-Quran dan Hadith) bukanlah menjadi punca utama ke arah tersebut (pergeseran politik).<sup>13</sup>

<sup>11</sup> Lihat Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq (1959), *Tamhīd li Tārīkh al-Falsafah al-Islāmiyyah*, c. 3, Kaherah: Lajnah al-Ta‘līf wa al-Tarjamah wa al-Nashr, h. 272, seterusnya di sebut *al-Tamhīd*.

<sup>12</sup> Lihat Muhammad Yūsuf Mūsā (1958), *al-Qurān wa al-Falsafah*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, h. 30 dan seterusnya.

<sup>13</sup> Lihat Muhammad al-Bahī (1967), *al-Jānib al-Ilāhī min al-Taḥkīm al-Falsafī*, c. 4, Kaherah: Dar al-Kātib al-‘Arabī li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, h. 49, seterusnya di sebut *al-Jānib al-Ilāhī*.

Walau bagaimanapun, menurut Sulaymān Dunyā, faktor utama pembinaan benih Ilmu Kalam adalah al-Quran itu sendiri. Beliau seterusnya menegaskan bahawa sememangnya tiada percanggahan dalam kalangan tokoh-tokoh Ilmu Usul Akidah Islam (Ilmu Kalam) yang menerima kajian falsafah sebagai mengukuhkan Ilmu Usul Akidah dan menolaknya jika ada yang menyalahinya.<sup>14</sup> ‘Abd al-Halīm Maḥmūd memperingatkan ummah agar tidak terbabas ketika mengeluarkan pernyataan bahawa Islam adalah agama berteraskan akal, yang akan mendorong kepada maksud Islam diputuskan oleh akal. Sedangkan al-Quran menegaskan, ia berinteraksi dengan akal adalah untuk memandu dan menyisih segala kejahilan, keraguan dan syak yang berlegar dalam pemikiran.<sup>15</sup>

Daripada pernyataan di atas dapatlah dirumuskan bahawa menelusuri ketuhanan dalam Islam menurut metodologi Kalam secara umumnya adalah menerusi penalaran terhadap firman Allah dalam rangka keimanan kepada Allah serta pertimbangan logik. Interaksi akal dan al-Quran telah mendorong manusia untuk menelusuri hakikat alam semesta lantas memperakui dan menyakini kewujudan Tuhan sebagai Pencipta alam ini yang merupakan asas kemunculan Ilmu Kalam. Firman Allah Ta‘ala:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ  
لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ﴿١٩﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ  
جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا  
خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠﴾

<sup>14</sup> Lihat Sulaymān Dunyā (1967), *al-Taḥkīr*, h. 326-327.

<sup>15</sup> Lihat ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1973), *al-Islām wa al-‘Aql*, Mesir: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 15 dan seterusnya.

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksaan api neraka

Surah *Āl 'Imrān* (3:190-191)

Demikianlah asas keyakinan dan keimanan berkait ketuhanan yang merangkumi sudut pandang terhadap alam yang diciptakanNya. Konsep ini dibentuk menurut acuan Islam yang berasaskan akal dan wahyu. Justeru perdebatan dan perbincangan yang merentasi waktu panjang dalam pergulatan umat Islam dalam menelusuri Tuhan, sebenarnya telah mengukuhkan kepercayaan mereka terhadap pegangan ketuhanan. Kini semangat itu sedikit melemah ekoran diancam oleh sekularisme dan materialisme. Saranan al-Quran agar berterusan berfikir dan mengamati alam ini adalah sebagai asas kepada ma'rifah Allah.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Abad ke-20 yang berlalu telah ditandai oleh perkembangan pesat sains dan teknologi maklumat yang luar biasa. Perkembangan yang canggih ini berjaya mencipta peradaban moden yang menjanjikan pelbagai kemajuan dan kemudahan, sekaligus memenuhi segala tuntutan modenisasi. Namun hasil kemodenan beracuan barat telah menimbulkan krisis yang melibatkan pergeseran nilai dan pengetahuan dalam masyarakat keseluruhannya, termasuk umat Islam. Hal ini merujuk kepada penerimaan nilai dan pengetahuan yang bersifat material melampaui hal-hal yang bersifat spiritual dan metafizik. Hasilnya lahir



fenomena kerapuhan fahaman akidah Islam yang benar, akibat krisis keyakinan terhadap ajaran Islam yang melanda masyarakat Islam.

Menyedari latar belakang permasalahan ummah yang kian meruncing ini khususnya dari sudut kefahaman akidah yang kian longgar, penulis terpenggil untuk mengkaji dan menganalisa pemikiran seorang tokoh mutakallimun berwibawa Ashā'irah, berhubung perkara ketuhanan terutama berkaitan dengan perbincangan dan pandangan beliau tentang alam dan dalil-dalil kebaharuan alam yang mensabitkan kewujudan Pencipta. Hakikatnya, alam ini merupakan organisma yang hidup dan harmonis sekali hubungannya dengan manusia, di samping ia adalah manifestasi ayat-ayat kebesaran Tuhan. Kajian tokoh ini seterusnya menyentuh persoalan berhubung sifat-sifat Allah dan pembahagiannya dengan begitu mendalam sekali. Tokoh yang dimaksudkan ini ialah Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik, Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī (m. 478 H.).

Ketokohnya terserlah apabila beliau menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam terutama dalam bidang Ilmu Kalam, Fiqh dan Uṣūl al-Fiqh di samping merupakan seorang ilmuwan yang prolifik berdasarkan kepelbagaian karya-karya yang sangat berharga yang telah dihasilkan kepada tamadun ilmu Islam.

Sebagai salah seorang tokoh utama Ashā'irah, beliau dianggap seorang yang proaktif apabila bijak mengadun idea-idea pemikiran semasa dalam kerangka pemikiran ketuhanan di samping tetap memelihara keaslian metode (*aṣālah al-Manhaj*) aliran Ashā'irah dalam menghadapi kerancuan dan kerencaman aliran pemikiran ketika itu. Sehubungan dengan itu, sudah tentu kajian konsep ketuhanan al-Juwaynī bertambah menarik apabila dibuat perbandingan antara beliau dengan konsep yang dibawa oleh

pengasas Ashā'irah iaitu Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan seterusnya, sejauh manakah konsep ketuhanan al-Juwaynī memberi kesan kepada generasi Ashā'irah selepasnya.

Penulis seterusnya menonjolkan karya *Luma' al-Adillah* bagi membuktikan betapa para ulama silam seperti al-Juwaynī telah berjaya menjelas dan memberikan huraian akidah Ahl al-Sunnah dengan sewajarnya lantas mempertahankan akidah ummah antaranya menerusi penghasilan karya-karya yang bermutu. Agar karya beliau yang muktabar ini tidak terus diliputi debu zaman, usaha-usaha membongkar pemikiran tokoh seperti al-Juwaynī menerusi aktiviti terjemahan teks dikira suatu yang utama dewasa ini, lantaran kekurangan tulisan-tulisan ulama silam dalam disiplin Ilmu Kalam yang diterjemah ke bahasa Melayu. Paparan teks sebegini boleh dimanfaati, dengan melihat sejauh mana pendekatan konsep ketuhanan Ilmu Kalam ini mampu mendepani cabaran dan mengatasi kejahilan ummah masa kini dalam usaha mereka mengenal Allah SWT. Tidak timbul omokan bagaimana penyelesaian klasik hendak diamplicasi dalam zaman yang moden dan serba canggih ini lantaran perbahasan Ilmu Kalam merupakan wacana sabit sejak dahulu hingga kini.

Justeru itu, penulis berpandangan bahawa konsep ketuhanan al-Juwaynī wajar diketengahkan ke dalam masyarakat sebagai panduan untuk mengenal Allah menerusi perbahasan hubungan antara alam dan Penciptanya, ditambah pula dengan pengenalan kepada sifat-sifat Allah bagi meluaskan kefahaman seterusnya keyakinan akan keesaan Allah 'Azza wa Jalla. Hasil keyakinan dan keimanan yang mantap bakal melahirkan generasi ummah yang teguh pegangan akidahnya, sekaligus mampu mendepani cabaran-cabaran semasa.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Menerusi kajian ini, penulis menggariskan beberapa objektif utama, iaitu:

1. Mengkaji ketokohan al-Juwaynī serta sumbangannya dalam Ilmu Kalam.
2. Menyelidiki dan menganalisis pemikiran Kalam al-Juwaynī berfokus kepada beberapa persoalan berkaitan ketuhanan.
3. Mengemukakan terjemahan Melayu kitab *Luma' al-Adillah* bahagian ketuhanan.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Menerusi kajian ini, penulis memilih al-Juwaynī sebagai subjek kajian dan memberi liputan khusus kepada aspek ketuhanan. Latar belakang dan pemikiran al-Juwaynī sewajarnya diberikan liputan meluas kepada masyarakat dan generasi masa kini sesuai dengan sumbangan dan bakti beliau kepada perkembangan dunia keilmuan Islam.

Kajian ini penting kerana pendekatan perbincangan dalam isu-isu ketuhanan oleh al-Juwaynī dari sudut pendalilan yang bersandarkan sumber-sumber ilmu seperti akal dan wahyu dibahaskan dengan cukup mendalam. Beliau berjaya membahaskan bagaimana akal dapat menjadi sumber ilmu bagi manusia, dan bagaimana melalui penggunaan akal yang sihat seseorang itu dapat mencapai keyakinan akan kewujudan Tuhan. Sumber akal seterusnya digabung jalin dengan sumber wahyu yang menampakkan hubungan dan kaitan di antara kedua-dua sumber yang saling melengkapi, juga penguasaan mendalam al-Juwaynī terhadap sumber-sumber tersebut. Ternyata, ketulinan pemikiran al-Juwaynī yang bersumberkan wahyu dan digarapkan secara bijak dan kreatif dengan kemurniaan akal,

berjaya membentuk manhaj ketuhanan yang mewakili aliran arus perdana ummah iaitu, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Menerusi kajian ini juga didedahkan bagaimana al-Juwaynī yang dianggap tergolong dalam generasi awal *mutaakhirīn* Ashā'irah dan 'pembina aliran Ashā'irah generasi baru'<sup>16</sup>, telah membentuk satu dimensi dan pendekatan baru dalam perbahasan Kalam aliran Ashā'irah. Rekod kecermerlangan beliau berhadapan dengan simpang siur pemikiran daripada golongan Muktazilah, falasifah dan lain-lain boleh memberi inspirasi kepada masyarakat Islam masa kini terutama kepada para ilmuwan dan pendakwah, bagi mendepani cabaran yang hampir sama.

Di samping itu, kajian ini juga penting kerana kesesuaian kefahaman dan keilmuan masyarakat Islam di Alam Melayu, khususnya di Malaysia yang berpegang kepada metodologi Ashā'irah sebagai pegangan arus perdana dari sudut akidah. Lantaran al-Juwaynī turut dikaitkan sebagai pembina awal metodologi Sifat Dua Puluh<sup>17</sup> yang didakwa secara tidak benar oleh sesetengah pengkaji di Nusantara sebagai ajaran yang amat mengelirukan<sup>18</sup>. Oleh itu, pendirian ketuhanan Ashā'irah sangat perlu diberi penjelasan yang wajar serta disematkan sebaik mungkin sebagai pegangan akidah. Ia juga merujuk kepada keistimewaan manhaj Ashā'irah yang menggabungkan antara dalil naqli dan akli secara berhikmah dalam merungkaikan kefahaman berhubung ketuhanan.

---

<sup>16</sup> Ungkapan ini merupakan sebuah risalah ilmiah yang bertajuk *Imām al-Ḥaramayn Bānī al-Madrasah al-Ash'ariyyah al-Hadīthah*, yang dikemukakan kepada Kuliyyah Usuluddin, Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1948 oleh Shaykh 'Alī Jabar. Menurut 'Abd al-'Azīm al-Dīb, malangnya risalah ini tidak dicetak malah risalah ini juga tidak dapat ditemui lagi. Namun menurut beliau, tajuk risalah ini sudah berupaya menyingkap isi kandungannya. Lihat 'Abd al-'Azīm al-Dīb (1401), *Muqaddimah al-Muhaqqiq* dalam *Ghiyāth al-Umam fī Itiyāth al-Zulm*, c. 2, Mesir: Matba'ah Nahḍah, h. 17.

<sup>17</sup> Lihat Mohd Nor bin Ngah (1983), *Kitab Jawi: Islamic Thought of The Malay Muslim Scholars*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, h. 10.

<sup>18</sup> Antara para pengkaji tersebut ialah Prof. Hamka, Prof H.M. Rasyidi dan A. Hasan Bandung. Menurut Prof Hamka ajaran Sifat Dua Puluh itu bukannya menambah keyakinan umat, sebaliknya menambahkan keraguan dan malah boleh mengelirukan, lihat *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, h. 240, dipetik daripada Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (1994), "Asal-Usul, Pengaruh dan Kesan Aliran al-Asy'ari dan al-Asya'irah di Malaysia dan Kepulauan Melayu", *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 22, 1994, h. 84-106.

Dengan terhasilnya sebuah kajian dalam wacana ketuhanan al-Juwaynī beserta terjemahan Melayu dalam tajuk ketuhanan menerusi karya beliau *Luma' al-Adillah*, penulis mengharapkan kajian ini dapat menjadi anak tangga kepada pendakian seterusnya wacana al-Juwaynī di masa akan datang, kerana hampir tiada wacana yang secara khusus membincangkan pemikiran dan hasil karya al-Juwaynī menerusi penulisan dan terjemahan buku, makalah ilmiah, seminar-seminar dan seumpamanya.

## 1.5 PENGERTIAN TAJUK

Disertasi ini bertajuk “Pemikiran al-Juwayni Tentang Ketuhanan: Terjemahan dan Analisis Bahagian *al-Ilāhiyyāt*, Kitab *Luma' al-Adillah*”. Sebelum penjelasan berhubung tajuk disentuh, penulis akan menjelaskan beberapa istilah yang terkandung di dalam tajuk iaitu “pemikiran”, “ketuhanan”, “terjemahan” dan “analisis”.

Menurut penggunaan dalam bahasa Melayu perkataan “pemikiran” membawa erti perihal berfikir<sup>19</sup>. Perkataan pemikiran kebiasaannya merujuk kepada hasil-hasil pemikiran yang telah berjaya dihasilkan oleh manusia melalui aktiviti atau gerakan pemikiran.<sup>20</sup>

Menurut Kamus Dewan, “ketuhanan” adalah sifat keadaan Tuhan, perihal Tuhan dan kepercayaan kepada Tuhan yang mencakupi dasar percaya kepada Tuhan yang Maha Esa<sup>21</sup>. Isu ketuhanan tidak hanya diwacanakan dalam skop pemikiran Islam. Pemikiran para cendekiawan dan ahli fikir yang tidak berasaskan sumber wahyu samawi, turut

---

<sup>19</sup> Lihat Noresah bt. Baharom (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 352.

<sup>20</sup> Lihat Mu`assasah al-Balāgh (1987), *al-Fikr al-Islamī*, Tehran: Mu`assasah al-Balāgh

<sup>21</sup> Lihat Noresah bt. Baharom (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, h. 1478.

menjadikan ketuhanan sebagai topik utama untuk dibahas, lantas menjadikannya suatu isu yang relevan sepanjang zaman. Justeru itu, muncul aliran-aliran metafizika yang cuba mencari hakikat sebenar alam dan apa yang ada di sebalik alam ini hanya dengan penalaran akal semata-mata.

Dalam dunia pemikiran Islam, pencarian dan penghuraian berhubung metafizik tidak menemui jalan buntu kerana akal dipandu wahyu untuk mengenal Tuhan yang Maha Esa. Ada pun kekhilafan yang berlaku dalam kalangan pemikir muslim sejak berzaman kebanyakannya merujuk kepada pergeseran kefahaman dari sudut *lafzi* dan tidak kepada hakiki, sekiranya perbincangan itu diurus dengan baik dan mengambil kira ruh *tasāmuḥ* dan toleransi dalam berkhilaf.<sup>22</sup> Bagi umat Islam pemikiran ketuhanan menjadi isu paling utama di samping isu-isu lain yang muncul dalam kehidupan mereka.<sup>23</sup>

“Terjemahan” pula secara umum bermaksud, menghasilkan semula dalam bahasa sasaran padanan yang paling hampir dengan bahasa sumber, pertama dari segi maksud dan kedua dari segi gaya<sup>24</sup>. Manakala, perkataan “analisis” bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu untuk mengetahui pelbagai aspeknya secara terperinci atau mendalam<sup>25</sup>.

Sehubungan dengan itu, penulis akan menterjemah dan membuat analisis dalam perbincangan yang berkaitan ketuhanan sahaja menerusi kitab yang dikaji iaitu “*Luma’ al-Adillah fī Qawā’id ‘Aqā’id Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*”.

---

<sup>22</sup> Lihat Muhammad ‘Abd al-Fuḍayl al-Qūṣī (2006) *Hawāmish alā al-‘Aqā’id al-Nizāmiyyah li Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī*, c. 2, Mesir: Maktabah al-Imān, h. 9 dan seterusnya disebut *Hawāmish*.

<sup>23</sup> Lihat Muhammad al-Bāhī (1967), *al-Jānib al-Ilāhī*, h. 29

<sup>24</sup> Lihat Nida (1969), *The Theory and Practice of Translation*, Leiden: E.J Brill, h. 12.

<sup>25</sup> Lihat Noesah bt. Baharom (1994), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, h. 41.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara khusus tertumpu kepada ketokohan al-Juwaynī dan beberapa persoalan utama ketuhanan yang dipetik daripada bab-bab Ilāhiyyāt menerusi kitab *Luma' al-Adillah*. Ketokohan dan sumbangan al-Juwaynī dari sudut keilmuan, penghasilan karya-karya terutama dalam kajian Ilmu Kalam serta penglibatan beliau dalam perkembangan Ilmu Kalam menjadi skop permulaan dalam kajian ini.

Seterusnya kajian tertumpu kepada konsep ketuhanan yang dimulai dengan penjelasan tentang alam dan kebaruannya, dan diikuti dengan dalil-dalil pembuktiannya. Ketika mensabitkan kebaruan alam, beberapa istilah-istilah utama perbincangan para mutakallimun seperti alam, *jawhar*, *'araḍ* dan maujud diberikan definisi dan analisis terlebih dahulu agar isu yang dibahas lebih mudah difahami seterusnya dapat dibuktikan bahawa alam itu baharu. Skop perbahasan ini disudahi dengan pemerhatian yang berfokus kepada dua bentuk pendalilan iaitu konsep *jawhar fard* dan dalil harus dan mungkin.

Setelah itu, penulis mengupas isu-isu yang berkaitan sifat-sifat Allah SWT dan pembahagiannya yang dimulai dengan pembahagian sifat-sifat yang wajib bagi Allah, sifat yang mustahil bagiNya dan apakah perkara yang harus bagi Allah. Dalam membahaskan isu-isu ini ianya diteliti menerusi kaca mata mazhab yang didokonginya iaitu Ashā'irah. Dalam membahaskan isu sifat-sifat Allah, seringkali berlaku pertembungan pendapat antara Ahl al-Haq yang diwakili al-Juwaynī dengan Muktazilah di samping beberapa aliran-aliran yang lain. Justeru, kajian perbandingan dipaparkan antara pendirian al-Juwaynī dan aliran yang bertentangan. Dalam waktu yang sama, analisis perbandingan antara konsep yang dikemukakan oleh al-Juwaynī dan konsep ketuhanan oleh al-Ash'arī

serta Ashā'irah angkatan baru turut disertakan, sebagai penilaian sejauh manakah kesejajaran idea atau wujudkah pembaharuan yang dikemukakan oleh al-Juwaynī dalam isu yang dibangkitkan.

Selanjutnya, kajian ini secara keseluruhan tertumpu kepada teks *Luma' al-Adillah* dalam bab-bab ketuhanan yang diterjemah ke bahasa Melayu. Namun demikian karya-karya utama Ilmu Kalam al-Juwaynī yang lain seperti *al-Shāmil*, *al-Irshād* dan *al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah* turut dilibatkan sebagai perbandingan, huraian dan penjelasan serta pengukuhan data dan fakta bagi melengkapkan kajian ini.

## 1.7 KAJIAN TERDAHULU

Berdasarkan kajian dan penelitian yang penulis lakukan, tidak terdapat sebuah kajian yang menyentuh tentang kajian yang penulis lakukan iaitu berhubung ketokohan al-Juwayni, pemikiran ketuhanan beliau dan diikuti terjemahan Melayu teks *Luma' al-Adillah* dalam topik *ilāhiyyāt*. Walaupun memang terdapat beberapa kajian yang menyentuh tentang al-Juwaynī, namun fokus kajian tersebut lebih kepada menyentuh secara khusus tentang riwayat hidup dan sumbangan, penekanan kepada metodologi atau kajian tentang al-Juwaynī secara umum. Kajian yang dilakukan oleh Fawqiyah Ḥussayn Maḥmūd umpamanya, bersifat agak umum. Buku beliau yang diberi judul “*al-Juwaynī Imām al-Ḥaramayn*”<sup>26</sup> lebih menitik berat perbincangan tentang riwayat hidup dan sumbangannya yang diikuti oleh sedikit analisis terhadap beberapa pandangan Kalam beliau, khususnya huraian yang agak panjang mengenai falsafah alam dan kebaharuannya. Sebuah lagi kajian

---

<sup>26</sup> Lihat Fawqiyah Ḥussayn Maḥmūd (t.t), *al-Juwaynī Imām al-Ḥaramayn*, Kaherah: al-Mu`assasah al-Miṣriyyah al-`Āmah, seterusnya disebut *al-Juwaynī*.



bertajuk “*al-Imām al-Ḥaramayn Imām al-Juwaynī*” oleh Muhammad al-Zuhaylī<sup>27</sup> turut memaparkan riwayat hidup serta analisis kepada sumbangan-sumbangan al-Juwaynī dalam bidang-bidang ilmu yang dikuasainya. Kajian ini dilihat lebih menarik dan sistematik apabila pengarang memaparkan penguasaan al-Juwaynī dalam satu bidang ilmu yang dikuasainya, kemudian disusuli pula dengan analisis karya-karya dalam bidang tersebut dalam fasal yang sama. Pembahagian isu yang dikupas juga lebih seimbang antara satu fasal dengan fasal yang lain.

Begitu juga sebuah lagi buku yang merupakan hasil kajian berbentuk tesis yang diterbitkan bertajuk “*Imām al-Ḥaramayn Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī wa Āthāruh fī ‘Ilm al-Kalām*”, oleh Muhammad bin ‘Alī Uthmān Ḥarbī<sup>28</sup> yang menumpukan kepada kajian metodologi pemikiran Kalam al-Juwaynī secara umum, yang turut diikuti oleh Tsuruya Kiswati menerusi karya beliau “*Al-Juwaini Peletak Dasar Teologi Rasional Dalam Islam*”.<sup>29</sup>

Selanjutnya beberapa kajian lain yang dilakukan oleh beberapa penulis di antaranya Fawqiyah sendiri, Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Muhammad Yūsuf Mūsā dan ‘Alī ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Hamīd dan ‘Alī Sāmī al-Nashshār yang kesemua mereka ini sekadar mentahqiq teks karya al-Juwaynī yang berjudul seperti *Luma’ al-Adillah*<sup>30</sup>, *al-‘Aqīdah al-Nizāmiyyah*<sup>31</sup>, *al-Irshād*<sup>32</sup>, dan *al-Shāmil*<sup>33</sup> di samping menyelitkan beberapa

---

<sup>27</sup> Lihat Muhammad al-Zuhaylī (1986), *al-Imām al-Ḥaramayn Imām al-Juwaynī*, Dimashq: Dār al-Qalam.

<sup>28</sup> Lihat Muhammad bin ‘Alī Uthmān Ḥarbī (1986), *Imām al-Ḥaramayn Abū al-Ma‘ālī al-Juwaynī wa Āthāruh fī ‘Ilm al-Kalām*, Beirut: ‘Ālam al-Kutub.

<sup>29</sup> Lihat Tsuruya Kiswati (2002), *Al-Juwaini Peletak Dasar Teologi Rasional Dalam Islam*, Jakarta: Penerbit Erlangga.

<sup>30</sup> Lihat al-Juwaynī (1965), *Luma’ al-Adillah fī Qawā‘id ‘Aqā‘id Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, tahqiq Fawqiyah Hussin Maḥmūd, Kaherah: al-Muassasah al-Miṣriyyah al-‘Āmah li al-Ta‘līm wa al-Anbā’ wa al-Nashr, seterusnya disebut *Luma’ al-Adillah*.

<sup>31</sup> Lihat al-Juwaynī (1992), *al-‘Aqīdah al-Nizāmiyyah fī al-Arkān al-Islāmiyyah*, tahqiq Muhammad Zāhid al-Kawtharī, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, seterusnya disebut *al-‘Aqīdah al-Nizāmiyyah*.

komentar tahqiq mereka berhubung asas-asas pemikiran al-Juwaynī. ‘Abd al-‘Azīm al-Dīb ketika mentahqiq kitab *al-Ghiyāthi*<sup>34</sup> karya al-Juwaynī mendedahkan maklumat berguna berhubung al-Juwaynī, namun beliau dilihat lebih berminat ingin menonjolkan sosok al-Juwaynī sebagai seorang faqih berbanding mutakallim menerusi muqaddimah *tahqiqnya*.

Di samping itu ramai penulis yang lain yang membicarakan tentang al-Juwaynī seperti Ahmad Amīn dalam *Zuhr al-Islām*<sup>35</sup>, Muhammad Jalāl Sharaf dalam *Allah wa al-‘Ālam wa al-Insān fī al-Fikr al-Islāmī*,<sup>36</sup> Ahmad Mahmūd Ṣubḥī dalam *Fī ‘Ilm al-Kalām: al-Ashā‘irah*,<sup>37</sup> Harun Nasution dalam *Teologi Islam*,<sup>38</sup> Anawati dan Louis Gardet dalam *Falsafah al-Fikr al-Dīnī*.<sup>39</sup> Kesemua mereka hanya memperuntukkan tidak lebih daripada sepuluh helaian muka surat bagi membahaskan tentang riwayat hidup serta serba sedikit tentang pemikiran Kalam al-Juwaynī. Di antara para pengkaji di atas, ‘Abd al-Rahmān Badawī menerusi ensiklopedia beliau bertajuk *Madhāhib al-Islāmiyyīn* boleh dianggap lebih komprehensif dalam membahaskan tentang al-Juwaynī dan pemikiran Kalam beliau<sup>40</sup> dan diikuti oleh Jalāl Muhammad Mūsā menerusi *Nash‘ah al-Ash‘ariyyah wa*

---

<sup>32</sup> Lihat al-Juwaynī (1950), *al-Irshād ilā Qawāṭi’ al-Adillah fī Uṣūl al-I’tiqād*, Muhammad Yūsuf Mūsā dan ‘Alī ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Hamīd, Kaherah: Maktabah al-Khānjī, seterusnya di sebut *al-Irshād*.

<sup>33</sup> Lihat al-Juwaynī (1965), *al-Shāmīl fī Uṣūl al-Dīn*, tahqiq ‘Alī Sāmī al-Nashshār, Faiṣal Badir ‘Un dan Suhīr Muhammad Mukhtār, Iskandariyyah: Mansha‘ah al-Ma‘arif, seterusnya disebut *al-Shāmīl*.

<sup>34</sup> Lihat al-Juwaynī (1401), *Ghiyāth al-Umam fī Itiyāth al-Zulam*, tahqiq ‘Abd al-‘Azīm al-Dīb, c. 2, Mesir: Maṭba‘ah Nahḍah, seterusnya di sebut *al-Ghiyāthī*.

<sup>35</sup> Lihat Ahmad Amīn (1964), *Zuhr al-Islām*, j. 4, c. 2, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 79

<sup>36</sup> Lihat Muhammad Jalāl Sharaf (1989), *Allah wa al-‘Ālam wa al-Insān fī al-Fikr al-Islāmī*, Iskandariyyah: Dar al-Ma‘rifah al-Jāmi‘iyyah, h. 14-31, seterusnya disebut *Allah wa al-‘Ālam*.

<sup>37</sup> Lihat Ahmad Mahmūd Ṣubḥī (1992), *Fī ‘Ilm al-Kalām: al-Ashā‘irah*, Iskandariyyah: Muassasah al-Thaqafah al-Jāmi‘iyyah, h.147-164.

<sup>38</sup> Lihat Harun Nasution (2002), *Teologi Islam*, Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, h. 72-73.

<sup>39</sup> Lihat G. Anawati dan Louis Gardet (1978), *Falsafah al-Fikr al-Dīnī bayna al-Islām wa al-Masīhiyyah*, Ṣubḥī al-Ṣālih dan Farīd Jabar (terj.), c. 2. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 114-118.

<sup>40</sup> Lihat ‘Abd al-Rahmān Badawī (1996), *Madhāhib al-Islāmiyyin*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, h. 679-748.

*Taṭawwuruhā*.<sup>41</sup> Penulis juga menemui sebuah artikel yang bertajuk “*Juwayni dan Hakikat Ilmu*”, tulisan Ibrahim Abu Bakar.<sup>42</sup> Namun artikel yang sederhana ini hanya menyentuh persoalan berhubung ilmu Allah dan ilmu manusia menurut perspektif al-Juwaynī sahaja.

Berdasarkan kepada tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu dan karya-karya di atas, penulis mendapati bahawa tiada lagi kajian secara khusus berkisar kepada beberapa persoalan berkaitan ketuhanan yang berfokus kepada teks karya beliau, *Luma' al-Adillah*. Begitu juga penulis dapati tiada penelitian serius berhubung pembaharuan dan inovasi dalam perbahasan Kalam Ashā‘irah khususnya dalam masalah pembahagian sifat Allah oleh al-Juwaynī berdasarkan karya-karya beliau, masih belum diusahakan lagi hingga kini. Justeru, penulis merasakan kajian ini amat penting dan ia merupakan satu kajian baru bagi mendedahkan pemikiran ketuhanan Ashā‘irah menurut tafsiran al-Juwaynī, tambahan pula kajian ini turut mengemukakan terjemahan Melayu pertama kitab *Luma' al-Adillah* dalam bahagian ketuhanan.

## 1.8 METODOLOGI KAJIAN

Setiap penulisan yang berkualiti mestilah mempunyai metodologi yang tertentu bagi menentukan sama ada ia merupakan penulisan ilmiah atau tidak. Pada keseluruhannya, kajian ini merupakan kajian perpustakaan atau *library research*. Bagi memastikan segala maklumat yang terkumpul adalah tepat dan memenuhi keperluan kajian, penulis

---

<sup>41</sup> Lihat Jalāl Muhammad Mūsā (1982), *Nash'ah al-Ash'ariyyah wa Taṭawwuruhā*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, h. 371-411.

<sup>42</sup> Artikel ini adalah antara kumpulan makalah beberapa ahli akademik di bawah selenggaraan Ibrahim Abu Bakar yang mentasawwurkan dan mengkonsepsikan beberapa ciri yang terdapat di dalam Falsafah Islam yang secara jelas menunjukkan kewujudan berbagai warna, imej, pendapat, idea dan aktiviti yang dihubungkan dengan Falsafah Islam. Sila rujuk Ibrahim Abu Bakar (1994), *Spektrum Falsafah Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

menggunakan tiga metode menerusi kajian ini. Pertama; metode terjemahan, kedua; metode pengumpulan data dan ketiga; metode analisis data.

### **1.8.1 Metode Terjemahan**

Metode ini digunakan untuk menterjemah bab pertama hingga bab keempat daripada tujuh bab menerusi kitab al-Juwaynī yang bertajuk *Luma' al-Adillah*. Keempat-empat bab tersebut menyentuh persoalan yang berkaitan dengan ketuhanan secara langsung. Terjemahan teks daripada bahasa sumber ke bahasa penerima dilakukan terlebih dahulu. Selain menterjemah, beberapa ulasan diberikan kepada isu-isu dan perkataan-perkataan yang sukar difahami. Secara tidak langsung ia boleh dianggap sebagai analisis ringkas terhadap tajuk kajian ini. Di dalam metode penterjemahan, penulis sedaya upaya cuba membuka ruang kefahaman yang terbaik kepada pembaca dan pengkaji lain untuk memahami isi kandungan teks ini. Di samping itu, penulis juga akan memastikan terjemahan ini tidak mengabaikan keaslian dan gaya bahasa *Luma' al-Adillah*.

### **1.8.2 Metode Pengumpulan Data**

Penyelidikan boleh diertikan sebagai, usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpul data dan pentafsiran terhadap data-data yang terkumpul.<sup>43</sup> Justeru, matlamat penggunaan metode ini adalah untuk memperolehi maklumat dan informasi yang tepat, konkrit dan bernilai dari segi ketepatan dan kesahihannya.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Lihat Hoeard E. Ferman And Clarence c. Sherwood (1970), *Social Research and Social Policy*, New Jersey, T.P, h. 86.

<sup>44</sup> Lihat Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan, Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta T.P, h. 54.

Oleh itu, bersesuaian dengan kajian perpustakaan yang dilakukan dalam kajian ini, penulis menggunakan metode dokumentasi di mana semua dokumen yang berbentuk bahan-bahan bertulis seperti disertasi ilmiah, kertas kerja, buku, kamus dan ensiklopedia yang berkaitan kajian ini akan dirujuk bagi memperolehi fakta-fakta yang tepat berhubung biografi al-Juwaynī, latar belakang kitab *Luma' al-Adillah*, kajian para ulama dan pengkaji silam dan kontemporari berkaitan isu-isu ketuhanan dalam pelbagai aliran terutamanya Ashā'irah serta kajian-kajian daripada buku-buku falsafah yang menyentuh isu ketuhanan.

### **1.8.3 Metode Analisis Data**

Semua data dan maklumat-maklumat yang terkumpul berkaitan kajian ini, akan melalui proses penganalisan data, untuk menghasilkan rumusan atau kesimpulan daripada kajian ini. Dalam menganalisis data yang diperolehi, penulis telah menggunakan tiga metode utama analisis iaitu metode induktif, metode deduktif dan metod komparatif.

Metode induktif adalah satu penganalisan data melalui pola berfikir dalam mencari bukti keterangan dari perkara yang bersifat khusus untuk mendapatkan bukti umum.<sup>45</sup> Penulis menggunakan metode ini semasa menganalisis data-data bagi memaparkan pandangan-pandangan al-Juwaynī dan ulama Kalam tentang isu-isu alam kebaruannya dan keperluannya kepada Pencipta, sifat-sifat Allah dan pembahagiannya dan lain-lain. Penulis mengaplikasikan metode ini dalam huraian bab dua dan tiga apabila terdapat kepelbagaian dan perbezaan pendapat dalam perbincangan dalam bab-bab di atas sehingga memerlukan satu kesimpulan yang tepat diambil.

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 52 dan lihat Ferman (1975), *Social Research and Social Policy*, h. 24.

Sementara metode deduktif pula, merupakan satu cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir dan mencari bukti melalui sumber dalil umum bagi mendapatkan perkara yang khusus.<sup>46</sup> Melalui metode ini, data-data yang bersifat umum akan dianalisa secara terperinci sebelum membuat sebarang kesimpulan yang tepat dan padat. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga dan empat apabila data-data berhubung latar belakang al-Juwayni dan ketuhanan dibentangkan kemudian dibincang pula secara terperinci.

Manakala metode komparatif pula digunakan untuk membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan beberapa data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan. Metode ini digunakan antara lain untuk menyelesaikan pertikaian dan percanggahan tentang sesuatu perkara oleh para pengkaji. Metode ini juga turut digunakan oleh penulis dalam bab dua, tiga dan empat kajian ini.

## **1.9 SUSUNAN PENULISAN**

Bagi menjadikan kajian dan penyelidikan ini lebih sistematik, penyelidik mambahagikan kajian ini kepada lima bab utama. Bab pertama kajian ini merangkumi beberapa bahagian yang terdiri dari latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, pengertian tajuk, skop kajian, kajian terdahulu, metodologi kajian dan susunan penulisan. Bab ini memberikan gambaran umum tentang kajian yang dilakukan oleh penulis.

---

<sup>46</sup> Lihat Andrian D. De Groot (1969), *Methodology: Foundations Of Inference And Research In The Behavioural*, Belgium: T.P, h. 74 dan Bernadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan, Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, h. 52.

Dalam bab kedua, penulis membentangkan kajian berhubung riwayat hidup al-Juwaynī yang menerangkan tentang biografi beliau bagi melihat suasana dan latar belakang kehidupan yang membentuk pemikiran beliau. Seterusnya dipaparkan latar belakang pendidikan yang dilaluinya, senarai guru-guru, sikap terhadap ilmu dan jenis ilmu yang dipelajari oleh beliau. Ia diikuti dengan pendedahan berkaitan sumbangan beliau kepada pengkayaan ilmu-ilmu Islam dari sudut penulisan karya khususnya karya-karya utama beliau dalam Ilmu Kalam seperti *al-Shāmil*, *al-Irshād*, *Luma' al-Adillah* dan *al-'Aqīdah al-Nizāmiyyah* beserta ulasan ringkas berkaitan topik ketuhanan bagi setiap karya-karya tersebut. Turut dimuatkan dalam bab ini sumbangan beliau kepada perkembangan Ilmu Kalam dalam madrasah Ashā'irah.

Bab ketiga, penulis mengemukakan analisis pemikiran al-Juwaynī dalam skop *ilāhiyyāt* yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama; alam menurut al-Juwaynī yang mencakupi perbincangan tentang kebaharuan alam dan dalil-dalinya, alam dan penciptanya menurut pandangan al-Juwaynī dan beberapa pemerhatian terhadap pemikiran al-Juwaynī tentang pendalilan wujud alam yang tertumpu kepada konsep *jawhar fard* dan dalil harus dan *mumkin*. Kedua; sifat-sifat Allah dan pembahagiannya yang membahaskan tentang sifat-sifat wajib bagi Allah SWT seperti *Wujūd*, *Qidam*, *Ḥay bi al-Ḥayāh*, *'Ālim bi al-'Ilm*, *Qādir bi al-Qudrah*, *Murīd bi al-Irādah*, *Sami'*, *Baṣīr*, *Baqā'*, *Waḥdāniyyah* dan *Mutakallim*. Pembahagian seterusnya adalah sifat yang mustahil bagi Allah dan perkara yang harus bagi Allah iaitu *Ru`yah Allah*. dalam perbincangan di atas penulis turut membuat perbandingan antara pandangan al-Juwaynī dalam isu yang dibahaskan dengan pandangan al-Ash'arī dan beberapa tokoh Ashā'irah angkatan baru. Ketiga; merupakan kesimpulan umum kepada bab yang dibahaskan.

Perbahasan dalam bab ini mencakupi tiga tajuk utama. Penulis memulakannya dengan definisi alam menurut al-Juwaynī diikuti penjelasan konsep pendalilan kebaharuan alam menerusi doktrin *jawhar* dan *'araḍ* serta keperluan alam kepada Pencipta sebagai natijah kepada alam yang baharu. Seterusnya dibahaskan intipati isu ketuhanan iaitu sifat-sifat Allah dan pembahagiannya yang mencakupi sifat-sifat yang mustahil bagi Allah diikuti persoalan apa yang harus bagi Allah. Di akhir bab ini, penulis menitipkan kesimpulan daripada perbahasan. Bab ini juga merupakan perbincangan terhadap isu-isu yang terkandung di dalam bab empat iaitu terjemahan dan anotasi kitab *Luma' al-Adillah* dalam bab ketuhanan.

Pada bab empat, penulis mengemukakan terjemahan Melayu teks *Luma' al-Adillah* dalam bab ketuhanan. Terjemahan teks hanya terbatas pada bab pertama hingga bab keempat daripada susunan kitab *Luma' al-Adillah* yang asal. Keempat-empat bab tersebut adalah, *al-'Ālam wa Ḥudūthuh*, *Allah wa Ṣifātuh*, *Irādah Allah wa Irādah al-'Abd* dan *Ru`yah Allah*. Di awal bab ini, penulis menyatakan pengenalan dan kandungan secara ringkas teks yang dikaji, metode penterjemahan yang diguna pakai dalam penterjemahan ini. Di samping itu penulis juga memberi anotasi dan komentar kepada perkataan dan istilah-istilah yang difikirkan perlu diberi penjelasan di bahagian nota kaki berpandukan kepada sumber rujukan muktabar dalam Ilmu Kalam.

Bab kelima merupakan penutup kepada kajian ini. Penulis akan membuat kesimpulan daripada analisis dan kajian secara keseluruhan terhadap pemikiran Kalam al-Juwaynī berhubung ketuhanan. Penulis juga turut mengemukakan rumusan dan saranan agar dapat dimanfaatkan keluasan ilmu yang terdapat dalam karya-karya al-Juwaynī untuk kajian-kajian selanjutnya.



